



(i) segala

Ayat: Segala maklumat yang diperoleh daripada Internet memberikan kesan positif dan kesan negatif.

(ii) pelbagai

Ayat: Pelbagai gejala sosial yang berpunca daripada kepincangan keluarga dapat meningkatkan kes jenayah.

(iii) seantero

Ayat: Seantero tanah air dilanda jerebu akibat pembakaran hutan di Indonesia.

### 9.3.3 APLIKASI DAN SISTEM BAHASA | ASPEK MORFLOGI | KATA ADVERBA

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **tiga kata adverba**. Kemudian, anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap kata yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda memahami maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan kata itu sebagai peribahasa atau sebagai kata nama khas.

Selain itu, tsunami yang melanda Aceh dan baru-baru ini menimpa Jepun pula meninggalkan kesan yang dan perubahan yang bukan sedikit terhadap kehidupan masyarakat di kedua-dua buah negara tersebut. Sehingga hari ini, mangsa tsunami di Aceh dan Jepun masih giat berusaha membangunkan dan memulihkan kehidupan mereka yang musnah ekoran bencana tsunami.

(i) baru-baru

Ayat: Baru-baru ini, ramai yang menjadi mangsa penipuan akibat kecuaiian dan kejahatan.

(ii) masih

Ayat: Pak Mail masih sihat walaupun usianya telah lanjut kerana mengamalkan gaya hidup sihat.

(iii) giat

Ayat: Pak Mat giat mengerjakan sawah padi untuk menyara seisi keluarga.

### 9.3.4 APLIKASI DAN SISTEM BAHASA | ASPEK MORFLOGI | KATA KERJA TRANSITIF

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **tiga kata kerja transitif**. Kemudian, anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap kata yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda memahami maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan kata itu sebagai peribahasa atau sebagai kata nama khas.

**adverba/keterangan**

1. --> kata kerja --> belajar sungguh-sungguh
2. --> kata adjektif --> selalu lewat
3. ---> kata adverba --> sangat gigih

Sehubungan dengan itu, Malaysia turut tidak terkecuali **merasakan** kesan perubahan iklim dan alam sekitar yang berlaku. Kesan perubahan iklim yang semakin **memburukkan** keadaan alam sekitar **menyebabkan** peningkatan pelbagai kejadian bencana alam di seluruh negara, termasuklah di tempat dan negeri yang jarang-jarang **dilanda** banjir seperti yang **menimpa** Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur baru-baru ini.

- (i) memburukkan  
Ayat: Pembuangan sampah dapat memburukkan imej negara di mata para pelancong asing.
- (ii) menyebabkan  
Ayat: Kelalaian pengguna yang menyebabkan kemalangan jalan raya mengorbankan nyawa.
- (iii) menimpa  
Ayat: Wabak COVID-19 yang menimpa masyarakat banyak meragut nyawa.

### 9.3.5 APLIKASI DAN SISTEM BAHASA | ASPEK MORFLOGI | **KATA NAMA TERBITAN**

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **tiga kata nama terbitan**. Kemudian, anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap kata yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda memahami maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan kata itu sebagai peribahasa atau sebagai kata nama khas

Baru-baru ini juga kita dikejutkan dengan **laporan** tentang negara kita yang **seclang** berhadapan dengan masalah **hakisan** pantai yang serius. **Kenaikan** aras laut menyebabkan berlakunya hakisan tanah pantai dan seterusnya mengakibatkan **peningkatan** aras air sehingga menyebabkan berlakunya **limpahan** air sungai dengan begitu banyaknya ke kawasan **kediaman** penduduk.

- (i) hakisan  
Ayat: Pembalakan di tanah tinggi yang menyebabkan hakisan tanah mengakibatkan pencemaran sungai.
- (ii) peningkatan  
Ayat: Peningkatan suhu dunia akibat pembakaran fosil mengundang bencana alam.
- (iii) kediaman  
Ayat: Kediaman orang asli agak terancam oleh pembalakan haram.

kata tunggal - kata terbitan

1. kata nama --> raja --> ke-...-an --> kerajaan
2. kata kerja --> buat --> per-...-an --> perbuatan
3. kata adjektif --> berani --> ke-...-an --> keberanian
4. kata tugas --> untuk --> per-...-an --> peruntukan

### 9.3.6 APLIKASI DAN SISTEM BAHASA | ASPEK SINTAKSIS | KATA NAMA TERBITAN

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Nyatakan subjek dan predikat yang lengkap bagi ayat-ayat yang bergaris.

Perubahan iklim yang berlaku turut menjejaskan pertumbuhan terumbu karang di Malaysia. Laporan terumbu karang Reef at Risk menyatakan 85 peratus terumbu karang di Malaysia terjejas. Hal ini turut meliputi kesan terhadap pembangunan pinggir pantai dan ketidaklestarian amalan pelancong. Perubahan cuaca yang berlaku disenaraikan sebagai antara penyebab kepada degradasi terumbu karang.

- (i) Subjek: Perubahan iklim yang berlaku  
Predikat: Iturut menjejaskan pertumbuhan terumbu karang di Malaysia.
- (ii) Subjek: Laporan terumbu karang Reef at Risk yang menyatakan 85 peratus terumbu karang di Malaysia  
Predikat: terjejas
- (iii) Subjek: Perubahan cuaca yang berlaku  
Predikat: disenaraikan sebagai antara penyebab kepada degradasi terumbu karang.

### 9.3.7 APLIKASI DAN SISTEM BAHASA | ASPEK SINTAKSIS | KLAUSA

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Nyatakan klausa bebas dan klausa tak bebas bagi ayat-ayat yang bergaris.

Sebagai warga Malaysia, remaja seharusnya turut merasakan kesan perubahan iklim yang berlaku. Namun begitu, kesedaran sahaja tidak berguna jika remaja tidak memainkan peranan yang sewajarnya dalam penjagaan alam sekitar. Apabila berlakunya perubahan iklim, sudah tentu kita dapat lari daripada mengaitkannya dengan kepentingan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

- (i) Klausa bebas: Kesedaran sahaja tidak berguna  
Klausa tak bebas: jika remaja tidak memainkan peranan yang sewajarnya dalam penjagaan alam sekitar
- (ii) Klausa bebas: sudah tentu kita dapat lari daripada mengaitkannya dengan kepentingan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar  
Klausa tak bebas: apabila berlakunya perubahan iklim

### 9.3.8 APLIKASI DAN SISTEM BAHASA | ASPEK SINTAKSIS | AYAT MAJMUK

Berdasarkan petikan di bawah, gabungkan ayat-ayat dalam petikan menjadi dua ayat sahaja dengan menggunakan kata hubung yang sesuai. Anda tidak boleh mengubah struktur dan maksud asal petikan.

Pendidikan alam sekitar penting khususnya bagi golongan remaja. Pendidikan ini dapat memupuk kesedaran yang tinggi dalam diri remaja. Remaja dapat membantu menjaga kualiti alam sekitar. Kempen kitar semula merupakan antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan. Kempen seperti tiada penggunaan beg plastik merupakan antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan. Kedua-dua kempen ini bertujuan untuk memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan penjagaan alam sekitar.

(i) Pendidikan alam sekitar penting khususnya bagi golongan remaja untuk memupuk kesedaran yang tinggi dalam diri remaja supaya dapat membantu menjaga kualiti alam sekitar.

(ii) Kempen kitar semula dan tiada penggunaan beg plastik merupakan antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan penjagaan alam sekitar.

### 9.3.9 APLIKASI DAN SISTEM BAHASA | ASPEK SINTAKSIS | AYAT TANYA

Berdasarkan petikan di bawah, bina tiga ayat tanya yang lengkap dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan frasa yang berhuruf condong.

Kerajaan mengiktirafkan negara sebagai Tahun Sains, Teknologi dan Inovasi Negara pada tahun 2012. Hal ini memperlihatkan usaha yang komited dan langkah bijak yang diambil oleh kerajaan. Kerajaan hendak menyedarkan warga Malaysia, khususnya remaja, tentang kepentingan sains dan alam sekitar.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

-TAMAT -



**Girijasri A/P Thangarajah**  
SMK Convent Father Barre, Sungai Petani, Kedah.

CETUSAN PENDAPAT

## PEMUDA HARAPAN BANGSA PEMUDI TIANG NEGARA

**“Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara”.** Slogan ini sering kali diuar-uarkan bertujuan memberitahu kepada umum bahawa remaja merupakan aset dan tonggak negara dalam memperkasakan kegemilangan nusa dan bangsa. Dalam konteks ini, prakarsa yang holistik dan intelek dalam pembangunan negara ke arah merealisasikan aspirasi negara bergantung pada remaja yang bersahsiah terpuji serta menjadi entiti mithali kepada golongan individu yang lain dan seterusnya bakal menerajui tampuk pemerintahan negara. Persoalannya, apakah peranan remaja dalam membangunkan negara pada peringkat global?

**B**erakar umbi daripada persoalan tersebut, remaja mempunyai daya pemikiran yang kreatif dan inovatif yang menjadi medium pembentukan individu yang utopia. Golongan remaja ini ghalibnya merupakan individu yang berani memelopori bidang baharu dalam usaha mengecap kejayaan. Situasi ini jelas menggambarkan ilmu pengetahuan bagaikan ilmu pelita hidup yang mampu membuka cakrawala kehidupan manusia. Selain itu, sokongan padu dan kolaboratif yang padu daripada pelbagai pihak amat diperlukan bagi melontarkan impian remaja untuk melibatkan diri dalam pelbagai bidang untuk memmanifestasikan remaja yang berbakat dan berkebolehan dari segi ilmu dunia dan ukhrawi.

Dilihat dari perspektif yang berbeza pula, remaja perlu memiliki kekuatan dalaman dan luaran, iaitu kekuatan fizikal dan mental yang kuat. Selain itu, remaja wajar mempunyai semangat yang kental untuk mendepani cabaran dalam usaha menghapuskan kemelut gejala sosial yang berleluasa dalam mata-mata tabloid. Jika remaja memiliki jati diri yang mapan, pastinya pembangunan negara dapat dicapai pada peringkat yang sama tinggi dengan negara maju yang lain persis kata mutiara, “Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.”

Bertitik tolak dengan kenyataan tersebut, remaja mestilah memiliki sikap keterbukaan jika mempunyai aspirasi untuk memajukan negara sehingga tersohor

pada peringkat global. Remaja haruslah menerima segala teguran dari pelbagai sudut pandangan masyarakat marhaen agar kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara sentiasa terjamin. Pada masa yang sama, perpaduan merupakan wadah signifikan kepada kesejahteraan masyarakat dan negara. Senario ini persis dengan peribahasa Melayu, iaitu bersatu teguh bercerai roboh. Maka itu, sudah terang lagi bersuluh, seseorang remaja yang bersifat keterbukaan pasti mudah menjadi seorang pemimpin yang penuh komited serta menjadi suri teladan dan rujukan kepada rakyat jelata.

Sebagai intiha, dapat disimpulkan bahawa remaja atau “Generasi Alpha” ini merupakan harapan dalam membangunkan negara. Semua pihak mestilah berusaha untuk memmanifestasikan pasca milenium yang mempunyai semangat untuk bersendel bahu, melangkah sederap dan berpadu tenaga untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan. Oleh hal yang demikian, penggembengan tenaga amatlah diharapkan kerana orang bijak pandai pernah berpesan, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

Tuntasnya, minhaj haruslah digerakkan mulai dari sekarang kerana perjalanan beribu batu, mestilah bermula dengan langkah pertama. Hasilnya pasti remaja yang berakhlak mulia akan berguna dan bermanfaat kepada negara pada suatu hari nanti. 🇲🇾